

## PERANAN INSTITUSI ZAKAT DALAM PEMBANGUNAN PENDIDIKAN GOLONGAN ASNAF: ISU DAN CABARAN

*The Role Of Zakat Institutions In Developing Asnaf Education: Issues And Challenges*

**Azizah Othman<sup>1\*</sup>**

**Raziah Md Tahir<sup>2</sup>**

**Syarifah Md. Yusof<sup>3</sup>**

**Norashidah Hashim<sup>4</sup>**

**Nadratun Nafisah Abd Wahab<sup>5</sup>**

<sup>1,2,3</sup>Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman

<sup>4</sup>Pusat Pengajian Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman

<sup>5</sup>Pembantu Penyelidik

\*Corresponding author (Email: o.azizah@uum.edu.my)

Diterima: 22 August 2019, Diproses: 5 September 2019, Diterbitkan: 18 September 2019

---

**Abstrak:** Islam merupakan agama yang mementingkan kebijakan umatnya dalam setiap lapangan kehidupan bagi memastikan manusia dapat hidup dalam suasana yang aman dan harmoni. Artikel ini bertujuan mengemukakan isu-isu dan cadangan dalam kajian-kajian lalu berkenaan isu-isu peranan institusi zakat membangunkan aspek pendidikan dalam kalangan asnaf. Daripada hasil pembacaan, didapati kajian yang memfokuskan kepada pendidikan asnaf masih terhad. Kebanyakan kajian-kajian lalu membincangkan tentang cara atau kaedah menyalurkan zakat pendidikan. Justeru, perbincangan dan kajian tentang keberkesanan zakat pendidikan khususnya tentang peranan institusi zakat terhadap pendidikan asnaf perlu dikembang luaskan. Dapatkan kajian lalu adalah relokasi tadbir urus zakat di IPT, penambahan tenaga pemantau, pembangunan sosial, pendidikan, ekonomi dan pembangunan insan serta pembangunan institusi keagamaan, pendidikan menerusi latihan, bengkel, seminar, motivasi, pendidikan, pertanian, pengangkutan dan menerusi perniagaan kecil dan sederhana serta pengetahuan mengenai kemahiran dalam perniagaan adalah antara yang dibincangkan. Sehubungan dengan itu, kajian perlu dilaksanakan dengan lebih mendalam berkenaan pendidikan dalam kalangan asnaf yang sedang dilaksanakan oleh semua institusi zakat.

**Kata kunci:** Zakat, Pembangunan, Pendidikan, IPT, Asnaf

**Abstract:** Islam is a religion that be concerned to ensure the muslims can live in a safe and harmonious environment. This article aimed at addressing issues and proposals made in past studies on the role of zakat institutions in developing education aspects amongst the asnaf. Most of the previous studies discussed about the zakat education distribution. This qualitative study uses a library study method. This study was conducted to obtain early sources of knowledge and information by analysing past scientific articles. The findings show that relocation of zakat governance issues in IPTs, enhancement of monitoring, social, education, economy and human development. Development of religious institutions, education through training, workshops, seminars, motivations, education, agriculture, transportation, small

*medium and enterprise (SME) as well as knowledge of business skills are among those discussed. However, these findings were still less focusing on the role of zakat institutions through the development of education to address poverty problems, the form of education aid being implemented and the impact on education development. Hence, the discussion and study on the effectiveness of education zakat, especially on the role of zakat institutions on asnaf education, need to be developed.*

**Keywords:** Zakat, Development, Education, IPT, Asnaf

---

## PENGENALAN

Amalan mengeluarkan zakat merupakan ibadah yang sangat dituntut di dalam Islam. Zakat merupakan rukun Islam dimana umat Islam berkewajipan menunaikan zakat apabila individu tersebut telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Allah SWT telah mewajibkan zakat kepada hamba-hambaNya yang mempunyai kemampuan bagi membantu golongan yang memerlukan pertolongan untuk meneruskan kehidupan mereka.

Di Malaysia, pengurusan zakat terletak di bawah kuasa dan tanggungjawab negeri-negeri. Bagi kebanyakan negeri, pengurusan zakat terletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) dan sesetengah negeri agak tersendiri daripada MAIN. Segala dasar dan kegiatan Majlis Agama Islam di sesebuah negeri dilaksanakan melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dan dipertanggungjawabkan kepada MAIN. Ini adalah terletak di bawah Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan/Raja atau Yang Dipertuan Agong yang mana ia bertanggungjawab ke atas segala urusan berkaitan dengan kegiatan Islam di negeri berkenaan termasuklah dalam pengendalian urusan zakat (Ahmad Shahir Makhtar & Adibah Abdul Wahab, 2010).

Kebanyakan institusi zakat negeri-negeri dan unit baitulmal di bawah Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia, mempunyai skim dan bentuk bantuan atau sumbangan pendidikan tertentu kepada golongan asnaf khususnya fakir dan miskin seperti bantuan persekolahan, bantuan melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Tempatan (IPT), biasiswa kecil pelajaran, bantuan kepada sekolah pondok dan juga bantuan pengajian tinggi ke luar negara (Dasar Agihan Zakat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, 1994; Hak Asnaf: Asnaf Fakir dan Miskin, Pusat Urus Zakat Pulau Pinang; Bantuan: Pendidikan, Lembaga Zakat Selangor; Skim Bantuan, Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman; Buku Panduan Skim Agihan Bantuan Zakat, Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu) (Rahman & Anwar, 2014a, 2014b). Impak kepada usaha-usaha seperti ini, ia seharusnya dapat menaikkan lagi martabat, memperbaiki taraf hidup, melahirkan lebih banyak lagi pelajar asnaf yang berjaya di dalam dan luar negara seterusnya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kurang masalah dalam keciciran pelajaran.

Dana zakat hendaklah diagihkan kepada lapan asnaf sebagaimana yang telah ditetapkan dalam firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah ayat 60 yang bermaksud:

*“Sesungguhnya zakat itu hanya untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus zakat (amil), mualaf yang dipujuk hati mereka, untuk memerdekaan*

*hamba, orang-orang yang berhutang, orang-orang yang berjuang di jalan Allah SWT, orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai ketetapan yang diwajibkan Allah SWT dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”*

(Al- Quran, 9:60)

Dari Anas bin Malik r.a., katanya: Rasulullah SAW bersabda:

*“Menuntut ilmu adalah satu fardu yang wajib atas tiap-tiap seorang Islam.”*

(Ibnu Majah no. 224).

Berdasarkan Imam Malik, Imam Shafie dan Imam Ahmad ibn Hanbal, fakir ialah orang yang tidak memiliki harta dan sumber pekerjaan yang halal untuk menampung keperluan asas diri dan tanggungannya seperti makan, minum, tempat penginapan dan persalinan (Tarimin 2005). Sehubungan dengan itu, pelajar sepenuh masa layak dikategorikan sebagai golongan asnaf fakir miskin yang bertaraf penganggur sementara (Qardhawi 2009; Tarimin 2005). Hal ini merujuk kepada golongan penuntut di institusi pengajian tinggi yang menumpukan sepenuh masa pengajian sehingga tidak mempunyai peluang untuk bekerja atau mereka perlu akur kepada peraturan yang tidak membenarkan bekerja. Pelajar-pelajar ini layak menerima agihan zakat sekiranya terbukti memenuhi syarat iaitu pelajar sepenuh masa, telah mencapai umur baligh, tidak berkemampuan menyara diri dan bidang pengajian yang diambil bermanfaat kepada umat (Tarimin 2005, Saruchi, Abdul Rahman, & Wahid, 2015).

Meniti arus kemodenan ini, kecekapan urus tadbir zakat bukan sahaja diukur dari nilai pungutan zakat malah perlu diukur dalam memaksimumkan manfaat dana zakat kepada asnaf. Bantuan pendidikan merupakan salah satu bentuk bantuan terpenting kepada golongan asnaf fakir dan miskin kerana pendidikan merupakan salah satu kaedah utama yang dapat mengubah kehidupan dan mengeluarkan golongan ini daripada kepompong kemiskinan. Justeru kepentingan pendidikan ini kepada golongan asnaf fakir dan miskin, maka institusi zakat giat memainkan peranan dalam menyalurkan dana zakat dalam bentuk bantuan pendidikan kepada golongan asnaf di Malaysia serta memastikan golongan asnaf fakir miskin ini mendapat peluang pendidikan dan berjaya seperti orang lain (Rahman & Anwar, 2014a). Sokongan diberikan oleh pengkaji Muda (2014) menyatakan walaupun bilangan asnaf fakir miskin semakin berkurang hasil daripada bantuan dana zakat, tetapi peningkatan minima bagi pendapatan bulanan mereka hanyalah melepas Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang memungkinkan mereka mudah terjerumus kembali ke kancang kemiskinan jika berlaku perubahan keadaan ekonomi khususnya bagi mereka yang berada di pinggiran. Pengkaji telah mencadangkan agar program pendidikan dapat dipertingkatkan kepada para asnaf.

Pada hari ini . dana *fisabilillah* juga digunakan untuk tujuan pendidikan ummah, perubatan, kejuruteraan, pembinaan prasarana umat Islam seperti masjid dan sekolah serta digunakan untuk tujuan berdakwah dalam mengembangkan syiar Islam.( Hamid, 2012)

Jadual 1 menunjukkan jenis dan bantuan pendidikan oleh institusi zakat di Malaysia. Terdapat pelbagai bantuan pendidikan yang diperkenalkan oleh setiap negeri. Secara

keseluruhan, bentuk bantuan yang diberikan melalui zakat pendidikan di Malaysia adalah berbeza. Negeri Kedah memfokuskan kepada asnaf yang terdiri daripada fakir dan miskin. Namun terdapat beberapa kriteria asnaf lain yang belum diberikan tumpuan oleh LZNK iaitu mualaf, fisabilillah (rujuk negeri Selangor). Manakala bantuan yang diberikan adalah Yuran Peperiksaan Penuntut Miskin Sekolah Agama Nidzomi, Bantuan Penuntut Miskin Sekolah Agama Nidzomi, Bantuan Persekolahan Bulanan, Bantuan Persekolahan Sekaligus Penuntut Miskin, Bantuan Pakaian Seragam Sekolah Penuntut Miskin, Bantuan Penuntut Miskin Maktab Mahmud, Bantuan Yuran Penuh Ke IPT Tempatan Penuntut Miskin (Rahman & Anwar, 2014b). Justeru, kedudukan prestasi zakat pendidikan sedia ada perlu diambilkira dan dianalisa kerana LZNK mempunyai ruang yang masih luas untuk menyalurkan bantuan pendidikan.

**Jadual 1: Jenis Skim dan Bentuk Bantuan Pendidikan oleh Institusi Zakat di Malaysia  
(Rahman & Anwar, 2014b)**

Bil	Negeri	Skim dan bentuk bantuan pendidikan	Asnaf
1	Selangor	Keperluan Pendidikan, Bantuan Yuran Sekolah Rendah dan Menengah, Biasiswa Pelajaran, Elaun Kehadiran Kelas Agama Asas, Dermasiswa, Bantuan Umum Pelajaran, Elaun Guru, KAFA, Bantuan Umum Pelajaran Dalam dan Luar Negara, Dermasiswa Pelajar Belajar di Timur Tengah, Dermasiswa Hufaz Quran.	Fakir dan Miskin, Mualaf, Fisabilillah Fakir
2	Negeri Sembilan	Pinjaman dan bantuan zakat pelajar Timur Tengah tajaan MAINS kali ke-2 dan bantuan perkapita Sekolah SMAN, SABK, SAR, KAFA, Tahfiz dan Tadika Islam Tahun 2013 di Royale Bintang, Seremban.	Fakir dan Miskin, Fisabilillah
3	Johor	Skim Bantuan Pelajaran, Skim Bantuan Pendidikan Pendaftaran IPTA, Skim Bantuan Awal Tahun Persekolahan (Pakaian Seragam), Skim Bantuan Basikal Pelajar, Skim Bantuan Cermin Mata, Skim Bantuan Pendidikan di Universiti, Skim Bantuan Pembiayaan Tambang KePusat Pengajian, Skim Pinjaman Pengajian.	Fakir dan Miskin
4	Kelantan	Bantuan Persekolahan, Bantuan Melanjutkan Pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Tempatan (IPT), Biasiswa Kecil Pelajar Yayasan Islam Kelantan (YIK), Bantuan Kepada Sekolah Pondok, Biasiswa Tengku Anis.	Fakir dan Miskin
5	Terengganu	Bantuan Persekolahan, Skim Bantuan Dermasiswa (IPTA/IPTS), Skim Bantuan Pondok/Madrasah.	Fakir dan Miskin
6	Kuala Lumpur	Bantuan Tambang Dalam/ Luar Negeri, Bantuan Am Pelajaran IPT, Bantuan Pelajar Institut Profesional Baitulmal (IPB), Biasiswa Baitulmal/Insentif Khas Pelajar Cemerlang, Bantuan Peralatan dan Kecemasan Persekolahan, Bantuan Tuisyen, Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran, Bantuan Pelajaran Kolej Kejururawatan PUSRAWI, Bantuan Persediaan IPT.	Fakir dan Miskin

<b>7</b>	Perlis	Bantuan Pakaian Sekolah, Bantuan Persekolahan Menengah dan Rendah, Bantuan Sekolah, bantuan Pelajaran, Bantuan Pelajaran Timur Tengah, Bantuan Sekolah dan Institusi Agama.	Fakir danMiskin
<b>8</b>	Pulau Pinang	Bantuan Pendidikan, Persekolahan, Pakaian Seragam, Permulaanke IPT Dalam dan Luar Negara, Biasiswa Kecil Sekolah Agama Rakyat, Pendidikan Khusus Kecemerlangan Minda, Kelas Persediaan Belajar, Bantuan Yuran Sekolah Rendah/Menengah, Bantuan Keperluan Pendidikan.	Fakir danMiskin
<b>9</b>	Sarawak	Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi, Bantuan Pengajian Sekolah Rendah/Menengah, Yuran/Kelengkapan Persekolahan, Bantuan Pengajian ke Timur Tengah, Bantuan Pengajian IPT Bidang Agama, Bantuan Pengajian Sekolah Agama/Arab, Bantuan Pengajian Maahad Tahfiz Al-Quran, Bantuan Kertas KerjaProjek (Tesis).	Fakir danMiskin, Fisabilillah
<b>10</b>	Kedah	BantuanYuran Peperiksaan Penuntut Miskin Sekolah Agama Nidzomi, Bantuan Penuntut Miskin Sekolah Agama Nidzomi, Bantuan Persekolahan Bulanan, Bantuan Persekolahan Sekaligus Penuntut Miskin, Bantuan Pakaian Seragam Sekolah Penuntut Miskin, Bantuan Penuntut Miskin Maktab Mahmud, Bantuan Yuran Penuh Ke IPT Tempatan Penuntut Miskin.	Fakir danMiskin
<b>11</b>	Melaka	Bantuan Kelas Tuisyen dan Motivasi Pelajar, Pembiayaan Pinjaman Biasiswa Pengajian Tinggi	Fakir danMiskin
<b>12</b>	Sabah	Bantuan tiket penerbangan (Pendidikan) IPTA/IPTS dalam dan luar negara terpilih, bantuan yuran pendaftaran (IPTA/IPTS) dalam negara, bantuan dermsiswa-matrikulasi/asasi, bantuan dermsiswa-sijil/maahad tahfiz/sekolah pondok (tahfiz), bantuan dermsiswa- diploma dalam negeri (IPTA/IPTS), bantuan dermsiswa- ijazah pertama dalam negeri (IPTA/IPTS), bantuan dermsiswa- tamhidi dan ijazah pertama bidang keagamaan (mesir),bantuan dermsiswa- ijazah pertama bidang keagamaan (Jordan), bantuan dermsiswa-ijazah perubatan, pergigian dan farmasi (Mesir), bantuan dermsiswa- ijazah perubatan (Jordan), bantuan dermsiswa-ijazah pertama bidang keagamaan (Indonesia), bantuan dermsiswa- ijazah pertama bidang perubatan (Indonesia), bantuan dermsiswa- ijazah pertama bidang keagamaan (Morocco), bantuan dermsiswa- politeknik, UiTM (Diploma), bantuan dermsiswa-ILD, IKMAS (Sijil), bantuan dermsiswa-ILD, IKMAS (Diploma), bantuan dermsiswa-IDIP, PERKIM (Sijil), bantuan dermsiswa-IDIP, PERKIM (Diploma), bantuan khas pendidikan, bantuan bayaran kelas tuisyen, bantuan seminar motivasi pelajar dan bantuan insentif/anugerah pelajar cemerlang.	Fakir danMiskin, Fisabilillah
<b>13</b>	Perak	Skim Pembangunan Pendidikan	Fakir danMiskin
<b>14</b>	Pahang	Bantuan pendidikan sempurna anak asnaf fakir	Fakir danMiskin

## **SOROTAN KARYA**

Pembangunan pendidikan di institusi zakat perlu sentiasa ditingkatkan. Bantuan pendidikan juga perlu dilakukan berterusan dan mantap bertujuan membentuk kaedah bantuan sehingga asnaf berjaya serta dapat mengubah kehidupan asnaf dan seterusnya meningkatkan ekonomi negara (Azman & Siti Martiah, 2013). Rujukan adalah terhad berkenaan pendidikan asnaf. Kebanyakan pengkaji-pengkaji lalu menitikberatkan tentang bantuan dan cara agihan zakat pendidikan. Penulis terpanggil untuk merungkaikan peranan institusi zakat kepada pendidikan dalam kalangan asnaf. Beberapa artikel telah membincangkan tentang pendidikan dalam kalangan asnaf (Azhar & Kedah, 2017; Hisyam et al., 2018; Karim, 2018; Muda, 2014; Nor Aini, Azizi, & Mohammad Taqiuddin, 2015; Rahman & Anwar, 2014a, 2014b; Rizal, Jalil, & Ahmad, 2017; Wahid & Noor, 2018). Secara ringkasnya, perbincangan tentang pendidikan asnaf berdasarkan kajian-kajian lalu adalah berkisar tentang isu-isu berikut:

### **Relokasi tadbir urus zakat di IPT**

Terdapat kajian tentang peranan zakat pendidikan kepada IPT. Kajian yang dilakukan oleh Faiz Ahmad & Jalil (n.d) terhadap pelajar tajaan lembaga zakat Selangor membincangkan berkenaan relokasi tadbir urus zakat di IPT. Kajian ini dilakukan kerana terdapat masalah birokrasi dan pemantauan prestasi akademik dan sosial penerima (pelajar). Pengkaji telah mengemukakan konsep melokalisasikan zakat iaitu konsep mewujudkan pusat zakat mini atau kaunter zakat di universiti di mana pihak universiti dilantik sebagai penolong amil manakala IPT bertindak menguruskan aspek kutipan dalam kalangan kakitangannya dan mengagihkan kepada pelajar universiti. Begitu pengkaji yang masih mengutarakan tentang permasalahan pengurusan agihan zakat pendidikan (Hassan & Nur, 2016).

### **Penambahan tenaga pemantau**

Wahid (2018) menimbulkan isu tentang bantuan modal dari aspek keseluruhan saluran dana zakat pendidikan kepada asnaf. Hal ini kerana hasil kajian mendapati bahawa perlunya kepada penambahan tenaga pemantau bagi menguruskan permohonan, memantau permasalahan dan kemajuan asnaf yang terlibat dalam program yang dijalankan. Seterusnya kajian ini juga membangkitkan tentang karenah birokrasi dan cara pemprosesan permohonan dan maklumat yang perlu ditambah baik seperti penggunaan “*red tape*” dan sistem pengkomputeran bagi menjimatkan masa dan pemudah cara.

### **Pembangunan sosial, pendidikan, ekonomi dan pembangunan insan serta pembangunan institusi keagamaan**

Seiring dengan kajian yang dilakukan oleh (Hassan & Nur, 2016) mengenai keutamaan golongan asnaf fi sabilillah berbanding dengan asnaf lain oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) mendapati bahawa pemberian zakat terhadap golongan asnaf fi sabilillah memberikan impak yang lebih besar

kepada masyarakat dengan menjadikan ramai asnaf memperolehi manfaat daripadanya. Bentuk bantuan asnaf ini adalah dengan memperkenalkan program pembangunan yang meliputi lima aspek utama iaitu pembangunan sosial, pendidikan, ekonomi dan pembangunan insan serta pembangunan institusi keagamaan.

Pembangunan pendidikan dilihat memberi impak yang besar terhadap transformasi kehidupan asnaf zakat. Pembangunan ini dimulai dengan peringkat yang paling rendah iaitu pra-sekolah sehingga peringkat pengajian tinggi. Program pembangunan pendidikan ini menyediakan bantuan seperti yuran persekolahan, pakaian sekolah, keperluan persekolahan, tajaan biasiswa kepada pra-siswazah dalam dan luar negara, juga pemberian zakat kepada para penghafaz al-Quran. Menerusi pembangunan ekonomi, pengetahuan bagi perniagaan dan keusahawanan disediakan juga turut menyediakan bantuan modal dan perkakasan perniagaan (Hassan & Nur, 2016).

### **Pendidikan menerusi latihan, bengkel, seminar, motivasi**

Kajian yang dilakukan oleh Hassan dan Nur, (2016) terhadap Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ), mendapati institusi zakat turut berperanan memberikan atau menyediakan pengetahuan dan pendidikan menerusi latihan, bengkel, seminar, motivasi dan mewujudkan kategori “Merdeka” (“*Independence*”). MAIJ juga turut melakukan pemantauan kemajuan bagi kategori “Merdeka” (“*Independence*”) dalam kalangan asnaf.

Kajian ini membincangkan selain daripada bantuan pendidikan peringkat persekolahan dan pengajian tinggi, institusi zakat turut mengembangkan bantuan pendidikan berupa pengetahuan dan kemahiran kepada golongan asnaf. Bentuk bantuan yang diberikan adalah dengan menganjurkan kursus pemerkasaan seperti persediaan menghadapi peperiksaan, pengurusan perniagaan kecil, kelas memasak dan menjahit, perpaipan/talian paip (*pipeline*) bagi kursus pertanian, projek perikanan dan kemahiran kraftangan. Selain itu, pihak institusi bercadang untuk menyediakan pasar petani, bazar malam, penjenamaan produk, pusat latihan dan kebun pertanian kepada golongan asnaf.

### **Model kemahiran dan aktiviti**

Bantuan pendidikan yang diberikan berbentuk wang dalam kadar tertentu sebenarnya hanya memberikan manfaat dalam jangka masa yang pendek. Maka suatu model dicadangkan oleh Amuda dan Embi, (2016) bagi menggunakan dana zakat untuk membolehkan asnaf zakat melibatkan diri dalam kemahiran dan aktiviti yang memberikan nilai produktif dan kesan jangka masa yang panjang. Pengkaji mencadangkan kepada pihak pengurusan zakat untuk menubuhkan syarikat zakat (*zakat company*) bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi dalam golongan asnaf.

### **Pendidikan, pertanian, pengangkutan dan menerusi perniagaan kecil dan sederhana**

Antara bidang yang dicadangkan bagi zakat adalah menerusi pemerkasaan melalui Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) peminjam mikro (menggunakan instrumen mudharabah), pendidikan, pertanian, pengangkutan dan menerusi perniagaan kecil dan sederhana. Dalam bidang pendidikan, institusi zakat dicadangkan bekerjasama dengan

institusi wakaf bagi menubuhkan sekolah atau institusi pendidikan yang mana tenaga pengajar dibayar hasil daripada sumber kedua-dua institusi. Penajaan juga turut perlu diberikan kepada asnaf yang melanjutkan pengajian dalam dan luar negara (Amuda & Embi, 2016).

Penumpuan penajaan seharusnya diberikan kepada pelajar lelaki kerana kekurangan bilangannya berbanding pelajar wanita yang melanjutkan pengajian pada peringkat pengajian tinggi. Selain itu, institusi zakat dicadangkan membina pusat pendidikan seperti kelas malam yang berfungsi sebagai tempat pengajian agama, sijil kursus, kursus diploma dan pelbagai program yang bertaualiah daripada kementerian pendidikan (Amuda & Embi, 2016).

### **Pengetahuan mengenai kemahiran dalam perniagaan**

Kajian yang dilakukan oleh Amuda dan Embi ( 2016) bertepatan dengan kajian (Yusoff, Al Mamun, Ibrahim, & Hassan, 2018) dengan melihat perbandingan potensi kemahiran perniagaan dan pengetahuan dalam kalangan asnaf. Kajian memfokus kepada Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) bagi negeri Kelantan. Salah satu cara bagi memastikan asnaf dapat keluar daripada kepompong kemiskinan adalah melalui perniagaan. Oleh itu, MAIK berperanan memberikan pengetahuan mengenai kemahiran dalam perniagaan. Terdapat lima pengetahuan perniagaan yang diperlukan oleh seseorang ahli perniagaan iaitu kemahiran kewangan, kemahiran teknikal, kemahiran komunikasi, orientasi pasaran dan kemahiran rangkaian. Kelima-lima kemahiran dan pengetahuan tentang perniagaan ini penting bagi menjadikan asnaf seorang ahli perniagaan yang berjaya dan boleh mengubah lanskap kehidupan mereka. Walaupun bantuan modal disediakan bersama dengan latihan, kemudahan dan pemantauan, namun sesetengah usahawan asnaf turut mengalami kegagalan. Oleh itu perlunya institusi zakat meneliti keperluan kemahiran perniagaan dan pengetahuan yang merangsang kepada kejayaan perniagaan.

### **KAEDAH KAJIAN**

Artikel ini membentangkan tentang kajian-kajian peranan institusi zakat kepada pendidikan dalam kalangan asnaf di Malaysia. Maklumat diperolehi melalui kaedah kualitatif menggunakan kaedah kajian dokumen berbentuk kajian perpustakaan (Abdullah, 2016; Ahmaf Fahme Mohd Ali, Mohd Faifol Ibrahim, Muhammad Ridhwan Ab Aziz, 2014; Ismail, 2005). Ini dilakukan bagi mendapatkan sumber-sumber ilmu dan maklumat awal secara menganalisis artikel-artikel ilmiah yang telah dikarang oleh pengkaji-pengkaji lalu. Beberapa proses utama perlu dilaksanakan dalam kajian ini bermula daripada penentuan topik dan skop kajian sehingga perbincangan dapatan kajian dan kesimpulan. Artikel-artikel ini telah dipilih dan skop yang ditetapkan adalah berpandukan peranan institusi zakat kepada pendidikan dalam kalangan asnaf di Malaysia.

### **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Berdasarkan kepada penelitian yang telah dibuat terdapat beberapa peranan institusi zakat yang telah dikaji. Dapatan yang diperolehi hasil pembacaan isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan pendidikan asnaf adalah:

- i) Relokasi tadbir urus zakat di IPT

- ii) Penambahan tenaga pemantau
- iii) Model kemahiran dan aktiviti
- iv) Pembangunan sosial, pendidikan, ekonomi dan pembangunan insan serta pembangunan institusi keagamaan, pendidikan menerusi latihan,
- v) Bengkel, seminar, motivasi, pendidikan, pertanian, pengangkutan dan menerusi perniagaan kecil dan sederhana
- vi) Pengetahuan mengenai kemahiran dalam perniagaan

Walaupun institusi zakat adalah badan kebajikan yang bukan bermotifkan keuntungan tetapi tanggungjawab dalam menguruskan harta yang diamanahkan oleh orang ramai sangat berat. Institusi zakat perlu berhati-hati dalam menguruskan dana zakat supaya semua golongan penerima bantuan yang layak tidak tercicir daripada menerima bantuan zakat.

Institusi zakat perlu memainkan peranan yang lebih aktif dalam memacu kegemilangan pendidikan golongan asnaf menerusi kepelbagaiannya bentuk, skim dan bantuan zakat pendidikan yang telah disediakan kepada golongan asnaf sama ada di peringkat sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi. Bantuan zakat pendidikan seharusnya dapat mengubah mentaliti dan persepsi golongan fakir untuk tidak terus mewarisi kehidupan sebagai fakir kepada generasi yang seterusnya. Asnaf fakir yang berjaya menjadi model dan sumber ikutan yang berkesan kepada asnaf fakir yang lain dalam memberi kesedaran untuk mendapatkan kehidupan yang lebih baik. Di samping itu, asnaf fakir perlu memanfaatkan bantuan yang diberikan dan tidak mensia-siakan peluang yang ada sebaliknya membuktikan kepada masyarakat yang mereka juga layak dan berhak untuk berubah dan berjaya.

Bagi melancarkan pengurusan institusi zakat dalam menguruskan dana zakat secara berkesan dan cekap, maka institusi zakat harus mengemaskini tadbir urus institusi zakat dengan sentiasa mengemaskini pengetahuan baru berkenaan zakat dan konsep praktikal mengikut keadaan semasa.

## KESIMPULAN

Kajian-kajian lalu banyak membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan dan pelaksanaan zakat pendidikan. Pengkaji mendapati masih kurang kajian membincangkan dengan mendalam tentang keberkesanan peranan institusi zakat dalam pembangunan pendidikan asnaf. Hasil daripada pembacaan, kajian yang telah dijalankan merangkumi aspek bantuan pendidikan adalah merelokasi tadbir urus zakat di IPT, penambahan tenaga pemantau, pembangunan sosial, pendidikan, ekonomi dan pembangunan insan serta pembangunan institusi keagamaan, pendidikan menerusi latihan, bengkel, seminar, motivasi, pendidikan, pertanian, pengangkutan dan menerusi perniagaan kecil dan sederhana serta pengetahuan mengenai kemahiran dalam perniagaan.

Secara keseluruhan, dicadangkan pengkaji-pengkaji akan datang dengan kerjasama institusi zakat perlu mengenalpasti secara lebih mendalam tentang peranan mereka dalam menangani isu kemiskinan asnaf dalam konteks bantuan pendidikan. Begitu juga kajian untuk melihat

sejauh mana keberkesanan bentuk-bentuk bantuan pendidikan yang telah diberikan oleh institusi zakat. Hasil kajian ini dijangka dapat menyuarakan tentang sejahteraan bantuan-pendidikan yang telah diberikan telah memberi impak kepada pembangunan pendidikan dalam kalangan asnaf dan kelompongan-kelompongan yang perlu diberi perhatian dan tindakan untuk menambahbaik peranan institusi zakat dalam memperbaiki kehidupan asnaf dari aspek pendidikan.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Utara Malaysia dan Lembaga Zakat Negeri Kedah(LZNK) kerana membiayai penyelidikan ini menerusi Geran IPIZ. Kertas Kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan bertajuk ‘Keberkesanan Agihan zakat Dalam Pembangunan Pendidikan Dalam Kalangan Asnaf di Kedah’ di bawah Dana Geran IPIZ, Universiti Utara Malaysia, Kod S/O 14121.

## RUJUKAN

- Abdullah, M. (2016). *Prinsip-prinsip agihan zakat dan pelaksanaannya di negeri Selangor*. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Shahir Makhtar & Adibah Abdul Wahab. (2010). Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor : Isu Dan Cabaran. *Prosiding Konvensyen Perancangan & Pengurusan Harta Dalam Islam*, 33. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Ahmad Fahme Mohd Ali, Mohd Faifol Ibrahim, Muhammad Ridhwan Ab Aziz, F. J. (2014). Konsep Dan Isu Had Kifayah, Kemiskinan Bandar Dan Jantina Dalam Pengagihan Zakat. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 8, 14–26.
- Amuda, Y. J., & Embi, N. A. C. (2016). Creation of Company through Zakat Funds for Sustainability of Malaysian Asnaf With Reference to Shari ’ ah Justification Department of Islamic Finance , Kulliyyah of Economics and Management Sciences , 16(5), 1008–1017. <https://doi.org/10.5829/idosi.aejaes.2016.16.5.12957>
- Azhar, A., & Kedah, L. Z. (2017). Kerangka Perundangan Pentadbiran Zakat Di Negeri Kedah : Satu Analisis Perbandingan, 3(6), 1–9.
- Azman, & Siti Martiah. (2013). Peranan Institusi Zakat Dalam Pembangunan Pendidikan Asnaf Fakir Dan Miskin Di Malaysia. *Aper Proceeding of the 5th Islamic Economics System Conference (IECONS 2013)*, (September), 4–5.
- Hamid, A.H. (2012). Eksklusif ZAKAT. Petaling Jaya, Selangor: Galeri Ilmu.
- Hassan, R., & Nur, I. (2016). Prioritization of Zakat Distribution in Selangor and the Federal Territory of Malaysia : Are They Following the Right Distribution Principles According to Shariah ?, 4878, 435–457.
- Hisyam, N., Muhamad, N., Fami, M., Sahid, M., Khairy, M., Karim, K. A., & Karim, K. A.

- (2018). Zakat Distribution to Fi Sabilillah Asnaf in Higher Education Institutions : Universiti Teknologi Malaysia Experience, 8(9), 138–149.  
<https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v8-i9/4580>
- Ismail, S. H. S. (2005). Kajian Dikementerian Hal Ehwal Ugama. *Jurnal Usuluddin*, 21, 85–116.
- Karim, K. A. (2018). Zakat Distribution to Fi Sabilillah Asnaf in Higher Education Institutions : Universiti Teknologi Malaysia Experience, (January).  
<https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v8-i9/4580>
- Muda, N. S. (2014). Keberkesanan Agihan Zakat Kepada Asnaf Fakir Dan Miskin : Kajian Kes Bantuan Jayadiri , Jabatan Zakat.
- Nor Aini, A., Azizi, C. S., & Mohammad Taqiuddin, M. (2015). Penentuan Hadul KIfayah Pelajar Institusi Pengajian Tinggi : Kajian Pelajar Siswazah di. In *Isu kontemporari agihan zakat*.
- Rahman, A. A., & Anwar, S. M. (2014a). Dana Zakat dalam Pendidikan Asnaf dan Sumbangannya Terhadap Ekonomi Malaysia. *Prosiding PERKEM VIII, Jilid 1, 9*, 208–215.
- Rahman, A. A., & Anwar, S. M. (2014b). Zakat Pendidikan Kepada Golongan Asnaf di Malaysia : Peranan dan Cabarananya Pada Masa Kini, (December), 23–32.
- Rizal, M., Jalil, B., & Ahmad, S. (2017). Lokalisasi Unit Zakat Institusi Pengajian Tinggi Sebagai Model One Stop Center Agihan Zakat Pendidikan, 10(1), 51–72.
- Saruchi, S. A., Abdul Rahman, A., & Wahid, H. (2015). Pola Perbelanjaan dan Haddul Kifayah Zakat bagi Pelajar Sarjana Muda di UKM. *Jurnal Personalia Pelajar*, 18(18), 44–61.
- Wahid, H. (2018). Jangkaan Kepatuhan Membayar Zakat Perniagaan Di Kalangan Usahawan Di Selangor : Cadangan Menggunakan Peranti Bizzakat, (September).
- Wahid, H., & Noor, M. A. M. (2018). *Pengurusan Zakat di Malaysia: Isu dan Cabaran Kontemporari*.
- Yaacob, A. C., Mohamed, S., Daut, A., Ismail, N., Ali, M., & Don, M. (n.d.). Zakat Disbursement via Capital Assistance : A Case Study of Majlis Agama Islam Johor.
- Yusoff, M. N. H. Bin, Al Mamun, A., Ibrahim, M. D., & Hassan, H. (2018). Measuring and Comparing Functional Business Skills and Knowledge among Asnaf Community in Malaysia. *Economics & Sociology*, 11(2), 229–247. <https://doi.org/10.14254/2071-789x.2018/11-2/16>